Stamps Assesment and Payment System

LHDN MALAYSIA

# [MANUAL PENGGUNA]

# BAYARAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI FPX

**TARIKH KEMASKINI: 25042022**

# ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN……………………………………………………………………………………………3
2.0 CAPAIAN SISTEM………………………………………………………………………………………..4
3.0 LOG MASUK KE STAMPS………………………………………………………………………………..5
4.0 MENU CARIAN ADJUDIKASI………………………………………………………………………….7
5.0 BAYARAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI FPX……………………………………………….8
6.0 MEJA BANTUAN………………………………………………………………………………………12

## 1.0 PENGENALAN

Bayaran Secara Dalam Talian Melalui FPX merupakan kaedah pembayaran yang menggunakan *platform* FPX untuk membuat bayaran duti setem. Bayaran boleh dibuat bagi adjudikasi yang berstatus **Sedia Untuk Bayaran Duti.**

## 2.0 CAPAIAN SISTEM

1) STAMPS boleh dicapai melalui alamat berikut :

   [https://stamps.hasil.gov.my/stamps/](https://stamps.hasil.gov.my/stamps/)

2) Modul Bayaran *Online* Melalui FPX boleh diakses setelah pengguna log masuk ke dalam STAMPS.

3) Menu log masuk adalah di bahagian kanan halaman utama STAMPS seperti Rajah 1 di bawah.




*Rajah 1 : Halaman Utama STAMPS*

# 3.0 LOG MASUK KE STAMPS

1) Di ruangan Log Masuk, isi **"No. Pengenalan Diri"** dan **"Kata Laluan"** di medan yang disediakan. Kemudian, klik pada butang **"Daftar Masuk"**. Rujuk Rajah 2.




*Rajah 2 : Menu Log Masuk*

2) Sekiranya telah berjaya Log Masuk, skrin *dashboard* akan dipaparkan. Rujuk Rajah 3.




*Rajah 3 : Dashboard STAMPS*

## 4.0 MENU CARIAN ADJUDIKASI

1) Pengguna klik pada nombor adjudikasi di senarai permohonan yang berstatus **Sedia Untuk Bayaran Duti** di *dashboard* pengguna. Rujuk Rajah 4.

2) Pilih dan klik nombor adjudikasi yang ingin dibuat bayaran.




*Rajah 4 : Pilih Nombor Adjudikasi di senarai status Sedia Untuk Bayaran Duti*

**ATAU**

3) Pengguna boleh menggunakan menu carian adjudikasi di bahagian atas sebelah kanan *dashboard* pengguna seperti paparan di Rajah 5.

4) Isi nombor adjudikasi yang ingin dibuat bayaran dan klik ikon carian  atau tekan ***Enter*** di papan kekunci.

5) Hasil carian akan dipaparkan dan klik nombor adjudikasi tersebut.




*Rajah 5 : Menu Carian Adjudikasi*

# 5.0 BAYARAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI FPX

1) Setelah pengguna klik nombor adjudikasi yang berstatus **Sedia Untuk Bayaran Duti**, borang permohonan penyeteman akan dipaparkan.
2) Pilih tab **Bayaran Online (FPX).** Rujuk Rajah 6.




*Rajah 6: Tab Bayaran Online (FPX)*

3) Skrin seperti Rajah 7 akan dipaparkan. Di medan **Jenis Akaun Bayaran**, pengguna perlu membuat pilihan akaun iaitu:
   a) Akaun Individu
   b) Akaun Syarikat




*Rajah 7: Paparan skrin bayaran secara dalam talian melalui FPX*

4) Skrin maklumat bayaran akan dipaparkan seperti Rajah 8. Pengguna perlu semak maklumat dan **alamat emel** yg dipaparkan. Pilih bank yang ingin digunakan untuk membuat bayaran dan klik butang **Teruskan Bayaran FPX**.




*Rajah 8: Skrin maklumat bayaran*

5) Laman sesawang bank akan dipaparkan. Rujuk Rajah 9.

6) Log masuk ke laman sesawang bank dan teruskan dengan proses bayaran.




*Rajah 9: Contoh laman sesawang bank*

7) Selepas proses bayaran selesai, resit bayaran FPX dan resit bayaran STAMPS akan dipaparkan seperti Rajah 10 dan Rajah 11.


HASiL LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA — STAMPS e-Bayaran

**Payment Details**

PAGE 1 2 3 4 — FPX Status Page

| | |
|---|---|
| Merchant Name | LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) |
| Merchant Order No. | P01BD12AD9XB0CY |
| FPX Transaction ID | 2106111308180844 |
| Amount | RM 992,000.00 |
| Transaction Status | Success |
| Date & Time | |
| Buyer Bank | MAYBANK2E FPX |
| Bank Reference No. | - |

Print | Click Here to Complete Your Transaction

*Rajah 10: Resit bayaran FPX*




*Rajah 11: Resit bayaran STAMPS*

8) Pengguna klik butang Utama untuk kembali ke skrin STAMPS.

9) Status nombor adjudikasi tersebut akan bertukar kepada **Duti Telah Dibayar.**

10) Pengguna boleh mencetak sijil di Tab Sijil. Status sijil akan bertukar kepada Telah Dicetak. Rujuk Rajah 12.

11) Proses penyeteman dan bayaran selesai.




*Rajah 12: Status adjudikasi dan sijil di Tab Sijil*

## 6.0 MEJA BANTUAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel ke alamat e-mel berikut:

stamps@hasil.gov.my